

“Dalam Rezeki Kita, Ada Rezeki Orang Lain”

Oleh MUHAMMAD MUBARAK ISMAIL

WALAUPUN tiada latar belakang keluarga dan pengalaman yang berkaitan dalam bidang perniagaan pada awal perjalanan hidupnya, Ammar Roslizar tekad menceburi dunia perniagaan demi membantu untuk meningkatkan ekonomi keluarga serta memartabatkan industri pelancongan dan pengembaraan yang patuh syariah di Malaysia.

Abdul Rahman bin Auf (ARBA), iaitu seorang sahabat Rasulullah SAW yang dijamin masuk syurga, merupakan seorang tokoh perniagaan, hartawan, dan dermawan yang dijadikan sebagai suri teladan, model, dan inspirasi oleh Ammar untuk menempa kejayaan dan kecemerlangan dalam bidang perniagaan. Itulah aspirasi yang diterapkan dan digarapkan oleh Ammar untuk menelusuri anak dan ranjau kehidupan bagi mengemudi bahtera perniagaannya ke puncak kegemilangan.

Bukan sahaja bijak mentadbir dan mengurus perniagaannya, malah faktor kesedaran yang tinggi tentang kepentingan dan keutamaan muamalat perniagaan yang patuh syariah dalam kehidupan telah menjulang semangatnya, sekali gus mendorong Ammar menceburkan diri dalam sektor pelancongan. Agensi pelancongannya, ARBA Travel & Tours Sdn. Bhd. giat membantu dan memberikan pilihan masyarakat untuk memilih perkhidmatan pelancongan dan pengembaraan yang bebas daripada unsur syubahah dan tidak telus.

Beliau yang lahir pada 17 Jun 1989 ini, memilih untuk berjuang di medan perniagaan bagi mendidik,

membina, dan membentuk jati diri masyarakat agar sentiasa mengamalkan tatasusila dan budi bahasa dari segenap aspek dan cabang perniagaan agar cerminan kesantunan, pekerti, dan akhlak mulia yang indah itu menjadi dakwah serta penghubung silaturrahim dalam kalangan masyarakat tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.

Ammar yang kini berusia 31 tahun mendirikan mahligai rumah tangganya dengan seorang doktor perubatan pada tahun 2011. Beliau mendapat pendidikan awal di Maktab Rendah Sains Mara Taiping, Perak, sebelum menyambung pendidikannya di Kolej MARA Banting, Selangor, dalam *International Baccalaureate Programme*.

Seterusnya beliau berjaya mengenggam segulung Ijazah Sarjana Muda (Sains) Ekonomi dan Sains Aktuari daripada Universiti Southampton, United Kingdom serta memiliki Ijazah Sarjana Ekonomi Politik daripada Universiti Sydney, Australia sebelum muncul sebagai tokoh korporat bumiputera yang berjaya dalam sektor penyedia perkhidmatan pelancongan di Malaysia.

“Kisah kemunculan ARBA Travel & Tours bermula apabila saya dan rakan-rakan pelajar Malaysia di luar negara membantu mengurus urusan lawatan sekumpulan pelajar tempatan yang mahu mengadakan lawatan akademik ke Jepun. Kemudian kami meneruskan perniagaan tersebut secara kecil-kecilan.” Ammar mengimbau pengalaman awalnya.

Ammar mengasaskan dan menubuhkan ARBA Travel & Tours pada tahun 2014 yang kini menjadi mercu kebanggaan, kejayaan, dan bukti dedikasi, semangat juang, dan disiplin beliau untuk memperjuangkan kepentingan memilih produk serta perkhidmatan pelancongan yang halal dan patuh syariah dalam kehidupan harian.



ARBA Travel & Tours yang diterajui oleh Ammar Roslizar selaku pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, menjadi pilihan utama pelanggannya ekoran mutu perkhidmatan yang tinggi, nilai harga yang murah dan berpatutan, mendapat pengiktirafan patuh syariah dalam sistem operasi serta kualiti perkhidmatan yang mesra dan melayan pelanggan umpama sebuah keluarga.

Ammar turut berkongsi resipi kejayaannya dalam arena perniagaan, iaitu mengutamakan kepuasan hati para pelanggan yang melebihi jangkaan mereka dari setiap aspek mutu produk dan perkhidmatan yang disediakan. Oleh itu, hal ini dapat mengekalkan kesetiaan dan kepercayaan mereka terhadap jenama ARBA Travel & Tours serta secara tidak langsung para pelanggan akan bertindak sebagai ejen pemasaran dengan memberikan promosi "dari mulut ke mulut" dengan mengesyorkan jenama, produk, dan perkhidmatan ARBA Travel & Tours kepada keluarga serta sahabat handai mereka untuk menjadi pelanggan baharu syarikat.

"ARBA Travel turut berkembang maju kerana mempunyai sokongan dan dukungan daripada kakitangan yang hebat, berkebolehan, profesional, berdedikasi, rajin, amanah, dan bertanggungjawab ketika menjalankan operasi serta mencapai wawasan dan misi yang disasarkan oleh pengurusan syarikat. Pekerja kami juga sentiasa setia bersama-sama syarikat ketika menghadapi waktu getir dalam perniagaan. Tanpa pasukan kerja yang komited seperti mereka, ARBA Travel & Tours tidak akan mampu berada pada kedudukan sekarang ini," kongsi Ammar lagi.

Sementara itu, Ammar memaklumkan bahawa terdapat dalam kalangan usahawan yang baharu dan telah pun dikenali masih gagal memahami kepentingan pengurusan kewangan yang betul dan efisien dengan cenderung berbelanja mewah melebihi keperluan yang sepatutnya apabila perniagaan menghasilkan keuntungan yang lebih. Oleh itu, syarikat sedemikian dengan mudah terdedah kepada risiko dan konflik kewangan yang tinggi.

Sebaik-baiknya keuntungan yang dihasilkan harus dimanfaatkan secara berhemah untuk memastikan perniagaan mudah berhadapan

dengan krisis kewangan dan kerugian yang besar apabila berlaku ujian dan dugaan yang datang tanpa diduga. Ammar turut menekankan falsafah untuk kekal berjaya dalam perniagaan, iaitu "bukan berapa banyak yang diperoleh tetapi berapa lama mampu kekal bertahan dalam perniagaan".

"Setiap individu yang menceburi dunia perniagaan pasti akan menghadapi waktu-waktu yang sukar dan getir. Nasihat saya ialah jangan pernah berhenti dan berputus asa dalam perniagaan kerana bidang ini membuka pintu rezeki dari pelbagai aspek. Namun begitu, usahawan mesti melengkapkan diri dengan ilmu, nilai-nilai murni, dan etika perniagaan yang betul," ujar Ammar.

"Prinsip hidup saya, berniaga sebagai ibadah kerana Allah SWT. Kejayaan dan kemewahan yang diperoleh hanya dipinjamkan kepada saya untuk membantu dan memberikan sumbangan kepada masyarakat dan orang lain yang tidak berkemampuan, seperti fakir miskin dan anak-anak yatim, yang digunakan untuk jalan Allah SWT.

"Sebagai ahli perniagaan, banyak antaranya yang dilimpahi dengan wang dan harta. Wang dan kekayaan harta adalah antara ujian yang boleh melekakan manusia. Wang dan harta yang banyak juga boleh membuat kita berasa serba tidak mencukupi dan semakin tamak. Pesan ibu saya, ambil dan gunalah wang yang ada sekadar yang mencukupi untuk diri sendiri. Yang selebihnya ialah rezeki orang lain yang terdapat dalam rezeki kita. Maka bantulah mereka, yakni golongan yang memerlukannya."



Ammar turut berkongsi resipi kejayaannya dalam arena perniagaan, iaitu mengutamakan kepuasan hati para pelanggan yang melebihi jangkaan mereka dari setiap aspek mutu produk dan perkhidmatan yang disediakan.